

Suara

EDISI JUN - DISEMBER 2022



MITASA



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

MITASA

**50 TAHUN
SETIA
BERSAMA
ANAK BANGSA**



Majlis Presiden Persatuan Akademik Universiti Awam Malaysia atau lebih dikenali sebagai MPPA yang merupakan badan gabungan 21 buah persatuan kakitangan akademik seluruh universiti awam di Malaysia telah menganjurkan satu Forum bertajuk "Kecemerlangan Akademia di Era Digitalisasi Pendidikan" pada 31 Januari yang lalu bertempat di Dewan Seminar Office Of International Affairs (OIA) UITM Shah Alam.

Antara ahli panel yang menyertai forum ini adalah Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn, Professor Datuk Ts. Dr. Wahid Razzaly. Turut menjayakan program ialah Pengarah Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik, USM, Prof Dr. Abdul Karim Alias, Naib Presiden Bahagian Hal Ehwal Awam & Komunikasi, Huawei Technologies (Malaysia) Sdn. Bhd, Rita Irina Abd Wahab, dan Timbalan Pengerusi Kluster Pendidikan & Pembangunan Insan, Akademi Profesor Malaysia, Prof Dr. Zoraini Wati Abas.

Forum tersebut dirasmikan oleh Menteri Pengajian Tinggi, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad melalui video tayangan montaj.

Datuk Seri Dr. Noraini dalam ucapan perasmianya memberitahu, beliau yakin forum berkenaan mampu mengupas dengan lebih mendalam dari sudut akademia, industri dan universiti selain mampu memberi buah fikiran yang bernas kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi khususnya dan Universiti Awam amnya berhubung dengan cabaran serta masa depan era digitalisasi

KECERMELANGAN AKADEMIA DI ERA DIGITAL PENDIDIKAN



pendidikan, terutamanya pasca Covid-19.

Ahli panel yang hadir juga turut berkongsi pandangan masing-masing menerusi forum tersebut yang dikendalikan oleh moderator yang juga Pengerusi MPPA, Ahmad Faisal Mohamed Fiah.

Forum ini juga diadakan dengan mengambil kira situasi semasa yang berlaku di seluruh dunia dan Malaysia iaitu ketika seluruh masyarakat dunia menggunakan peranti digital seperti telefon pintar, tablet, internet dan sebagainya. Ia dapat memperlihatkan sesuatu yang positif bagaimana negara-negara besar mengatur atau mentadbir akademia pada era digitalisasi ini.



MESYUARAT PERTAMA EXCO MITASA SESI 2021-2023



Mesyuarat Ahli Majlis pertama telah diadakan pada 18 Januari di Mardhiyyah Hotel & Suite, Shah Alam selepas selesai Mesyuarat Agung Dwi Tahunan pada 28 Disember 2021 lalu.

Meletakkan agenda pemantapan penyampaian kepada ahli, menjadi fokus utama MITASA di bawah Presiden, Encik Ahmad Faisal Mohamed Fiah kali ini. Selain itu, pembangunan dan perancangan strategik aktiviti

2021-2023 MITASA juga dijadikan perbincangan utama pertemuan berkenaan.

Selain itu, mesyuarat berkenaan juga turut mengalu-alukan kehadiran exco yang baharu iaitu Ts. Nor Azlin Rosli dari UiTM Jasin, Puan Nor Afzan dari UiTM Kampus Raub, Puan Atifah dari UiTM Dengkil dan Encik Hisyam dari UiTM Shah Alam.

Exco-exco yang juga telah bersetuju untuk membahagikan tugas masing-masing dengan penubuhan biro bagi memastikan setiap gerak kerja yang dilakukan lebih teratur dan sistematik, selain sampai ke kumpulan sasaran.

Antara biro yang ditubuhkan ialah :

1. Biro Penyelidikan dan Penerbitan
(En. Amirul Akhbar Mohd Zulkifli dan Dr. Faridah Hussain)

2. Biro Ekonomi
(Dr. Normaly Kamal Ismail)

3. Biro Sukan dan Rekreasi
(En. Hisyam Che Mat)

4. Biro Aduan dan Disiplin
(En. Saharudin Lin)

5. Biro Wanita dan Kebajikan
(Datin Marina Ismail)

6. Biro Keahlian dan Promosi
(Puan Nurul Atifah Othman dan Ts. Nor Azlin Rosli)

7. Biro Pendidikan dan Latihan
(Dr. Irini Ibrahim dan Puan Nurul Afzan Najid)

